

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DEWAN SAN CHOON, WISMA MCA, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR
MAJLIS PERAYAAN HARI KELUARGA BAHAGIA ANJURAN MCA
22 JULAI 1994**

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak MCA kerana menjemput saya untuk merasmikan perayaan 'Hari Keluarga Bahagia' pada hari ini.

2. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan tahun ini sebagai 'Tahun Keluarga Antarabangsa'. Oleh itu perayaan yang dianjurkan oleh MCA ini adalah suatu usaha yang memang tepat pada masanya. Usaha MCA menganjurkan majlis ini patut diberi pujian dan penghargaan.

3. Tidak dapat dinafikan bahawa institusi keluarga merupakan satu institusi yang amat penting dalam masyarakat kita. Kebahagiaan seseorang individu itu bergantung kepada keharmonian keluarganya. Mereka yang berasal daripada keluarga yang sering menghadapi pelbagai masalah besar kemungkinan akan menjadi warga yang bermasalah dalam masyarakat. Masalah sosial yang kian meningkat membayangkan bahawa ramai pemuda-pemudi kita sedang menghadapi masalah keluarga. Kebanyakan mereka hidup tanpa tujuan dan berkelakuan liar. Pada lazimnya kelakuan yang liar mencerminkan kekecewaan mereka dalam mengharungi kehidupan yang tertekan.

4. Justeru itu, ibu bapa harus memainkan peranan yang lebih positif bagi membina sebuah keluarga yang bahagia. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang berat bukan sahaja untuk membesarkan, mengasuh dan mendidik anak-anak mereka supaya menjadi orang yang berguna kepada masyarakat, tetapi harus juga memastikan bahawa mereka merupakan ibu bapa yang penyayang atau 'caring' kepada keluarga mereka.

5. Sikap sesetengah ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang soal pendidikan dan kegiatan anak-anak mereka boleh menimbulkan gejala-gejala yang kurang sihat di kalangan anak-anak mereka. Ini tentu sekali akan merugikan keluarga mereka sendiri dan seterusnya masyarakat pada jangkamasa yang panjang.

6. Budaya lepak di kalangan pemuda-pemudi yang kini membimbangkan adalah salah satu masalah sosial yang berpunca daripada keluarga yang porak-peranda. Dalam hal ini ibu bapa boleh membantu Kerajaan mengatasi budaya lepak dengan mendidik anak-anak mereka supaya menggunakan masa lapang mereka untuk kebaikan diri sendiri dan keluarga.

7. Ibu bapa tidak boleh melepaskan tanggungjawab ini kepada Kerajaan semata-mata. Untuk kita mengatasi masalah budaya lepak ini adalah penting ibu bapa memastikan anak-anak mereka mempunyai cara hidup yang sihat di samping menyemai dan menanamkan nilai-nilai hidup yang murni di kalangan anak-anak mereka.

8. Saya berasa gembira sektor swasta dan orang perseorangan telah memberi sokongan yang kuat kepada usaha-usaha Kerajaan dalam membanteras masalah-masalah sosial di kalangan muda mudi. Kerajaan sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik. Sikap penyayang harus diterapkan ke dalam cara hidup dan budaya kita.

9. Kebahagiaan hidup tidak terhad kepada mereka yang sihat dan mempunyai tubuh yang sempurna. Golongan yang kurang bernasib baik juga harus diberi layanan yang saksama. Malah mereka harus diberi perhatian yang lebih demi untuk memberangsangkan hidup mereka yang cacat, sama ada akal atau tubuh badan.

10. Saya berharap masyarakat penyayang akan menjadi salah satu identiti masyarakat Malaysia pada masa akan datang. Ini tentu akan meningkatkan imej antarabangsa Malaysia pada abad ke-21 sebagai sebuah negara maju yang unik kerana masyarakatnya adalah masyarakat penyayang terutama terhadap mereka yang kurang bernasib baik.

11. Masalah keruntuhan akhlak yang kini melanda negara-negara maju di Barat patut dijadikan satu pengajaran yang baik kepada kita. Tanpa keutuhan dan kebahagiaan keluarga, pembangunan dan kemajuan negara tidak akan begitu bermakna lagi.

12. Kita tidak boleh memandang ringan terhadap masalah keruntuhan akhlak di kalangan pemuda-pemudi kerana ini boleh memberi tanda isyarat yang menunjukkan masalah keluarga di masyarakat kita sudah sampai ke suatu tahap yang boleh mengancam pembangunan negara.

13. Kecenderungan yang demikian harus dibetulkan dengan segera supaya Wawasan 2020 tidak akan menjadi satu slogan yang indah dan mimpi semata-mata.

14. Pepatah Cina yang berbunyi "Ketenteraman keluarga memastikan kejayaan segala-galanya yang diusahakan" patut kita jadikan pedoman hidup dan amalan dalam kehidupan harian kita.

15. Akhir kata, saya menyeru semua ibu bapa supaya berusaha sedaya-upaya untuk memberikan hidup yang bahagia kepada anak-anak mereka dan sentiasa menjaga ketenteraman keluarga sebagai langkah yang asas untuk memperkukuhkan sistem keluarga orang timur yang kita banggakan sejak turun-temurun.

16. Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan perayaan Hari Keluarga Bahagia ini dibuka dengan rasminya.